

8.7.2025

Siaran Media

YAB TUAN CHOW KON YEOW

Ketua Menteri Pulau Pinang.

KEYAKINAN TINGGI TERHADAP PROGRAM SUKUK DAN KERANGKA KEWANGAN MAMPAN PBAPP

Satu Mercu Tanda Menelusuri Infrastruktur dan Kemampanan Pulau Pinang

PULAU PINANG, 8 Julai 2025 – Kerajaan Negeri Pulau Pinang berbangga menyaksikan satu lagi pencapaian bersejarah hari ini apabila Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP), satu-satunya operator air negeri, melancarkan secara rasmi Program *Islamic Medium-Term Notes* (IMTN) berjumlah RM5.0 bilion serta Kerangka Kewangan Mampan – menjadikan PBAPP syarikat berkaitan kerajaan negeri (GLC) pertama di Pulau Pinang yang menubuhkan kedua-dua inisiatif ini secara serentak.

Inisiatif strategik ini akan memperkukuh keupayaan PBAPP untuk mendapatkan dana jangka panjang bagi pelaburan dalam pembangunan infrastruktur bekalan air melalui instrumen hutang yang patuh Syariah dan berlabel mampan. Platform pembiayaan dinamik ini membolehkan PBAPP meningkatkan pelaburan dalam projek air kritikal sambil memperkukuh komitmen Kerajaan Negeri terhadap pembangunan mampan.

Program Sukuk PBAPP telah diberikan penarafan kredit tertinggi *AAA/Stable* oleh RAM Rating Services Berhad, manakala Kerangka Kewangan Mampan telah dianugerahkan Penarafan Emas oleh RAM Sustainability Sdn. Bhd., mencerminkan kedudukan kredit yang kukuh, tadbir urus yang baik dan penajajaran PBAPP dalam amalan terbaik global.

Ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan, bukan sahaja bagi PBAPP, malah bagi seluruh Negeri Pulau Pinang. Ia mencerminkan tahap kecanggihan kewangan GLC negeri serta keupayaan mereka untuk meneroka pembiayaan pasaran berasaskan tanggungjawab terhadap alam sekitar dan sosial.

Pelancaran Program Sukuk ini dilaksanakan bersama *Maybank Investment Bank Berhad* dan *United Overseas Bank (Malaysia) Berhad* yang dilantik sebagai Penasihat Utama Bersama, Pengatur Utama Bersama dan Pengurus Utama Bersama. Maybank Investment Bank juga bertindak sebagai Penasihat Penstrukturan Mampan tunggal untuk penubuhan Kerangka Kewangan Mampan PBAPP.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyokong langkah PBAPP untuk mempelbagaikan sumber dana dengan meneroka pasaran modal. Pendekatan ini akan mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman dan geran kerajaan serta mewujudkan platform

berskala untuk membiayai infrastruktur masa depan.

Terbitan Sukuk pertama PBAPP dijangka dilaksanakan pada separuh kedua tahun 2025, dengan saiz penanda aras, mengikut keperluan pembiayaan projek dari semasa ke semasa. Saiz program yang lebih besar ini berperanan sebagai dana strategik ("war chest") PBAPP bagi menyokong keperluan kewangan jangka panjang.

Hasil daripada Sukuk ini akan digunakan untuk menyokong:

1. Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030), dengan nilai pelaburan diunjurkan sebanyak RM2.099 bilion;
2. Perbelanjaan modal (CAPEX) dan operasi (OPEX), serta keperluan pembiayaan semula;
3. Inisiatif hijau dan sosial lain yang selaras dengan Agenda Hijau Pulau Pinang. Inisiatif ini sejajar dengan objektif Penang2030 – visi negeri untuk menjadi negeri hijau, pintar dan berfokuskan keluarga dengan keseimbangan antara pembangunan dan kemampanan.

Kerajaan Negeri menyokong penuh usaha PBAPP untuk membina sistem bekalan air yang bersedia menghadapi cabaran masa depan dan tahan iklim. Pelancaran Program Sukuk dan Kerangka Kewangan Mampan ini menandakan lembaran baharu dalam penyampaian infrastruktur awam dengan menitikberatkan akauntabiliti, inovasi dan impak jangka panjang yang positif.

Pencapaian kewangan kedua terbesar PBAPP

Majlis menandatangani perjanjian hari ini yang memeterai kerjasama PBAPP bersama Maybank dan UOB sebagai penasihat Program Sukuk merupakan pencapaian kewangan kedua terbesar dalam sejarah PBAPP.

Pencapaian pertama adalah pada tahun 2002 apabila syarikat induk PBAPP, PBA Holdings Bhd (PBAHB), berjaya disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia, mengumpul dana sebanyak RM62.3 juta untuk pembangunan sumber air dan menaik taraf infrastruktur bekalan air di seluruh negeri.

Satu lagi saluran pelaburan dalam PBAPP

Pada tahun 2025, PBAPP merancang untuk menerbitkan Sukuk Mampan pertamanya, dengan hasil utama digunakan untuk membiayai Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) serta projek infrastruktur air penting lain yang akan memberi manfaat kepada seluruh negeri Pulau Pinang. Sukuk Mampan ini juga membuka peluang pelaburan baharu kepada pelabur yang mencari pulangan stabil bersama impak positif terhadap alam sekitar dan sosial.

Sejak penyenaiaannya, PBAHB telah membayar dividen kepada para pemegang saham selama 24 tahun berturut-turut, mencerminkan pengurusan kewangan yang kukuh dan prestasi yang konsisten.

Rekod prestasi ini menggambarkan komitmen jangka panjang PBAPP terhadap disiplin kewangan, perkhidmatan awam dan penciptaan nilai. Kami yakin inisiatif Sukuk ini akan terus memperkukuh peranan PBAPP sebagai utiliti awam yang dipercayai dan mampan demi kesejahteraan rakyat Pulau Pinang.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my